



Kenyataan Media Akademi Profesor Malaysia Isu *Ranking* Universiti

Isu penarafan antarabangsa telah lama dibahas dalam kalangan ahli akademik dan mutakhir ini ia telah kembali menjadi topik yang hangat diperkatakan. Akademi Profesor Malaysia (APM) terpanggil untuk mengemukakan pendirian rasmi berkenaan isu *ranking* universiti tersebut. Setelah mengadakan perbincangan, APM berpandangan bahawa:

1. Isu *ranking* atau penarafan oleh pelbagai institusi *ranking* antarabangsa telah diterima oleh masyarakat dunia. Justeru untuk mengelak daripada terlibat atau diberikan penarafan adalah sesuatu yang sukar untuk dilakukan. Dalam kes penarafan universiti, APM menganggap penarafan adalah satu penanda aras umum yang digunakan untuk membandingkan kedudukan universiti tempatan dengan universiti lain di dunia.
2. Penyenaraian dalam penarafan universiti juga mempunyai impak yang strategik. Kedudukan pelbagai universiti di Malaysia yang berada dalam penarafan yang kukuh telah menjadi daya tarik pelajar antarabangsa yang menjadikan Malaysia sebagai destinasi pengajian tinggi. Kehilangan kedudukan dalam penarafan bukan hanya menjadi isu dalam bidang akademik tetapi juga merangkumi ekonomi negara.
3. APM menyokong kenyataan yang menegaskan bukanlah peranan utama universiti untuk membantu graduan mencari pekerjaan. Walau bagaimanapun, perlu diakui bahawa usaha pengurusan universiti mencapai penarafan yang baik turut memberikan manfaat kepada graduan. Graduan daripada universiti yang mempunyai kedudukan yang tinggi seperti Harvard, Oxford, Cambridge, Tokyo, Singapura, dan Beijing lebih mudah mendapatkan peluang pekerjaan dan menerima tawaran tanpa persaingan yang ketat.
4. Walaupun penggunaan kriteria seragam digunakan oleh agensi penarafan mempunyai beberapa kebaikan, namun pada masa yang sama, ia juga satu kelemahan kerana hasil penarafan itu tidak mempamerkan keunikan, keperluan, atau objektif khusus dalam pendidikan tinggi negara tertentu, termasuk Malaysia. Justeru, penarafan antarabangsa, walaupun memberikan gambaran mengenai kedudukan universiti, ia seharusnya tidak menjadi satu-satunya asas bagi dasar negara untuk menentukan keutamaan peruntukan dan penggunaan sumber dalam negara. Institusi pengajian tinggi juga seharusnya tidak menumpukan semua sumber untuk mengejar atau mengekalkan penarafan antarabangsa tersebut.
5. Penekanan perlu diberikan kepada kerangka penilaian tempatan yang memberi nilai tambah kepada perkembangan pendidikan tinggi, yang merangkumi objektif khusus pendidikan tinggi serta sumbangannya terhadap usaha membangun sumber manusia, budaya yang cemerlang, keadilan sosial dan pembinaan negara bangsa.
6. Untuk memastikan penilaian sebegini boleh memberikan hasil yang baik, negara memerlukan suatu dasar kebangsaan yang jelas dari segi menetapkan apa yang dianggap

sebagai konsep dan pelaksanaan penyelidikan yang cemerlang serta bernilai strategik kepada negara. Kriteria ini seharusnya dijadikan asas penarafan nasional yang berfokus pada sumbangan institusi pengajian tinggi terhadap citra atau gagasan kebangsaan, dan mengurangkan kebergantungan atau keutamaan terhadap KPI konvensional yang lebih berorientasi pencapaian akademik semata-mata.

7. Secara spesifik, APM ingin menyarankan penilaian penarafan yang sedia ada diselaraskan dengan matlamat institusi pengajian tinggi, dengan memberikan penekanan pada bidang tujahan (*niche*) yang mencerminkan kekuatan IPT masing-masing. Dengan ini, APM menggesa agar kerangka penilaian MyRA dan SETARA disemak semula untuk memastikan konsistensinya dengan kluster universiti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Harus diingat bahawa ukuran keserjanaan dan kewibawaan seorang profesor sangat berbeza dengan reputasi atau pencapaian keseluruhan sebuah institusi pengajian tinggi, keduanya tidak semestinya beriringan. Oleh itu, sistem penilaian yang ada perlu memiliki mekanisme untuk mempertimbangkan tahap kewibawaan atau kesohoran seseorang ahli akademik yang mungkin tidak ditekankan oleh kerangka yang fokus kepada sektor atau indeks pencapaian keseluruhan institusi.

Sebagai kesimpulannya, APM berpandangan bahawa penarafan antarabangsa mempunyai peranan bagi membantu negara melihat kedudukan pendidikan tinggi di Malaysia. Namun, dalam konteks tempatan, negara memerlukan suatu kerangka penarafan tempatan yang seimbang serta relevan dengan keperluan semasa negara dan masyarakat. APM berharap agar isu-isu yang dibangkitkan dapat dijadikan titik tolak untuk perbincangan dasar yang lebih mendalam untuk mengenalpasti langkah-langkah penambahbaikan dalam meningkatkan keberkesanan pendidikan tinggi dan memastikan kerelevannya.

Majlis Akademi Profesor Malaysia.

2023/2025